

Jika pembangkang menang pilihanraya

Ku Li rancang

hapus Pas, DAP

CANGLOON, Jumaat — Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, merancang untuk menghapuskan Pas dan DAP apabila gabungan pembangkang memenangi pilihanraya umum akan datang.

Mendedahkan tipu muslihat Tengku Razaleigh itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Semangat 46 sekarang berbaik-baik dengan Pas semata-mata untuk memeralatkan parti itu kerana Pas mempunyai ramai ahli dan penyokong.

Tetapi selepas memenangi pilihanraya, kata Perdana Menteri, Semangat 46 akan menyingkirkan Pas serta DAP supaya cita-cita besarnya untuk berkuasa dan menghidupkan Umno lama tercapai.

Menurutnya, Tengku Razaleigh mengumumkan rancangannya itu dalam satu mesyuarat tertutup parti Semangat 46 di kediamannya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya ada rakaman ucapannya dan ahli Pas yang tidak percaya boleh mendengar rakaman itu. Dalam ucapannya, Tengku Razaleigh berkata apabila kita (Semangat 46) memenangi pilihanraya, kita akan bunuh semuanya supaya kita kuat dan tidak bergantung lagi kepada DAP serta Pas," kata Perdana Menteri di perhimpunan rakyat di sini, hari ini.

Beribu-ribu penduduk pelbagai kaum menyertai perhimpunan itu.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff, turut hadir.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Perdana Menteri juga mempersoalkan sumber kewangan Tengku Razaleigh sehingga mampu membayar hutang 'orangnya' yang muflis dan membina rumah seperti istana.

Malah, kata Perdana Menteri, selepas meninggalkan kerajaan, Tengku Razaleigh juga masih mempunyai banyak wang.

Dalam hal ini, Perdana Menteri membidas akhbar Pas, Ha-

**—Oleh—
MAHFAR ALI**

rakah kerana menyiarkan gambar rumah Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin, sedangkan cerita mengenai Tengku Razaleigh mempunyai rumah besar tidak disiarkan.

"Datuk Paduka Daim sebelum menyertai kerajaan memang mempunyai duit kerana berniaga, tetapi semua saham miliknya sudah dijual selepas menganggotai Kabinet," jelas Perdana Menteri.

Mengenai tindakan sebuah jawatankuasa yang diketuai seorang bekas ketua Hakim, menghantar laporan mendakwa kerajaan menggunakan kuasa, termasuk akhbar untuk memenangi pilihanraya di Kijal dan Sabah, Perdana Menteri berkata:

"Kerajaan tidak mempunyai akhbar. Berita Harian, New Straits Times dan Utusan Melayu adalah milik parti," katanya.

Menurutnya, Pas dan DAP juga mempunyai akhbar masing-masing, iaitu Harakah serta Rokat, dan kedua-dua akhbar itu juga tidak pernah menyiarkan berita yang baik mengenai kerajaan dan Umno.

Mengenai kenyataan Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang, bahawa kerajaan akan melanggar peraturan jika membubarkan Parlimen ketika Dewan Rakyat bersidang, Perdana Menteri berkata:

"Kalau Parlimen perlu dibubarkan, kita bubarkan asalkan tidak melanggar undang-undang."